



KURSUS LESSONS LEARNT LKAN SIRI 1/2020
Pengenalan Kepada Pengauditan Oleh
Jabatan Audit Negara
Dan Unit Audit Dalam, KKR

Disampaikan Oleh :
Mohd Nizam bin Din,
Ketua Bahagian Integriti, CDPK, IPJKR
12 Februari 2020 (Rabu)

KANDUNGAN



Pengenalan



**Pengauditan Prestasi Projek JKR oleh
Jabatan Audit Negara (JAN) & Unit Audit
Dalam (UAD KKR)**



Jawatankuasa Siasatan



Tindakan Tatatertib Pegawai JKR

PENGENALAN

astro
AWANI

BERITA VIDEO FOTO LIVE

BERITA | MALAYSIA

Laporan Audit: 119 pegawai Kerajaan berdepan prosiding tatatertib

Harits Asyraf Hasnan, Astro Awani | 03 Ogos 2017 15:06 MYT



PUTRAJAYA: Sejumlah 119 pegawai Kerajaan berdepan prosiding tatatertib melibatkan 31 teguran punitif iaitu melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya dalam melaksanakan tugas.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata ia merupakan sebahagian 52 peratus daripada keseluruhan 103 teguran punitif susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 2016.

Jelasnya, selain teguran punitif, 748 merupakan teguran korektif iaitu melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur yang menjadikan keseluruhan 895 teguran audit dikeluarkan.

"Kerajaan telah menubuhkan 26 Jawatankuasa Siasatan yang melibatkan 60 teguran punitif di peringkat kementerian dan 43 teguran punitif di peringkat Kerajaan Negeri.

**Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ??
Siasatan !!!
Tatatertib!!!**



PENGENALAN

astro
AWANI

BERITA

VIDEO

FOTO

LIVE

BERITA | BISNES

6 kes 'Improper Payment' dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018

Astro Awani | 02 Disember 2019 21:24 MYT



Jawatankuasa PAC telah mengadakan 29 prosiding, 12 mesyuarat penyediaan laporan, 12 mesyuarat verifikasi, 15 taklimat dan membentangkan 9 laporan PAC di Dewan Rakyat. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kos keseluruhan aktiviti kerajaan yang diaudit mengikut prestasi berjumlah RM35.893 bilion membabitkan Kategori Pembinaan berjumlah RM16.488 bilion, Kategori Pengurusan Dana berjumlah RM10.922 bilion dan 10 program dan aktiviti berjumlah RM8.43 bilion.

Taklimat Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri II di Parlimen hari ini memaklumkan bahawa terdapat enam kes membabitkan 'Improper Payment' berjumlah RM344.54 juta, empat kes membabitkan ketirisan berjumlah

RM286.39 juta dan lima kes membabitkan pembaziran berjumlah RM411.01 juta.

'Improper Payment' membabitkan Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA iaitu Skim Subsidi dan Insentif Pesawah berjumlah RM195.81 juta dan Program Integrasi Lembu berjumlah RM718,360.

Ia juga membabitkan program promosi meningkatkan Pelancong Antarabangsa di bawah Kementerian Pelancongan berjumlah RM136.67 juta; Program Skim MyHome di bawah KPKT berjumlah RM1.74 juta dan Program Permata Insan di bawah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjumlah RM40 ribu.

Isu 'Improper Payment' dalam LKAN Tahun 2018 Siri 2 walau bagaimanapun tidak melibatkan JKR



Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang melibatkan JKR.

A) Pengauditan Prestasi

- Pengauditan terhadap projek – projek JKR yang di laporkan dalam Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan – Badan Berkanun Persekutuan.
- Terdapat dua (2) siri laporan setahun.
- Laporan boleh didapati di laman web Jabatan Audit Negara - <https://www.audit.gov.my>



LKAN 2018 SIRI 1



LKAN 2018 SIRI 2

Pengauditan Prestasi Tahun 2018

JAN telah menjalankan pengauditan terhadap **2 projek JKR bagi Siri 1** seperti berikut;

1. Pembinaan Semula Kuarters Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di RKK Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang.
2. Pengurusan Projek Pembinaan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang.

Kedua-dua projek TIDAK DILAPORKAN DALAM LKAN 2018 SIRI 1

JAN telah menjalankan pengauditan terhadap **1 projek JKR bagi Siri 2** seperti berikut :

1. Pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Projek di atas belum dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

B) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti, AI)



- Pengauditan dan pelaporan **setahun sekali**.
- Melibatkan **8 elemen/skop**:
 1. Kawalan Pengurusan
 2. Kawalan Bajet
 3. Kawalan Terimaan
 4. Pengurusan Perolehan
 5. Kawalan Perbelanjaan
 6. Pengurusan Kumpulan Wang / Akaun Amanah dan Deposit
 7. Pengurusan Aset dan Stor
 8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti (AI)) Tahun 2018


Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti (AI)) bagi tahun kewangan **2018** telah dijalankan di :

- a) Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat – **wajib setiap tahun**
- b) JKR Woksyop Persekutuan
- c) JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
- d) Cawangan Kejuruteraan Elektrik

PRESTASI	TAHUN KEWANGAN											
	2014		2015		2016		2017		2018		2019	
JKR	83.89	18/18	87.87	17/18	84.33	18/18	91.92	11/18	82.51	17/17	?	?

Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti (AI)) Tahun 2018

CARTA 1.21
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

**PENGAUDITAN PRESTASI PROJEK JKR
OLEH
JABATAN AUDIT NEGARA**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya ke **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di **Dewan Rakyat**.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)

Bagi memenuhi tanggungjawab ini, **Jabatan Audit Negara** telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

- **Pengauditan Penyata Kewangan** - Untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- **Pengauditan Pematuhan** - Untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- **Pengauditan Prestasi** - Untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - Untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

PENGAUDITAN PRESTASI

- Pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan **Seksyen 6(d), Akta Audit 1957** serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).
- Pengauditan prestasi ini atau juga dikenali sebagai **value for money** audit bertujuan menilai sejauhmana sesuatu program atau projek itu telah dirancang, dilaksana dan dipantau berasaskan prinsip-prinsip ekonomi, *efficiency* dan *effectiveness*.
- Proses pengauditan ini memakan masa antara **4 bulan hingga 12 bulan** dan semasa pengauditan dijalankan sehinggalah deraf laporan disediakan pihak auditi diberi masa untuk membuat ulasan dan penjelasan.
- Sekiranya maklumbalas teguran audit tidak memuaskan, isu-isu tersebut akan dimasukkan dalam **Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)** dan dibentang di **Dewan Rakyat**.

Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti:

- Sasaran **output dan outcome** yang ditetapkan tidak dapat dipenuhi;
- **Kelewatan** pembekalan peralatan, projek pembinaan terbengkalai atau melewati jadual;
- **Pembayaran tidak teratur** (improper payment);
- **Kelemahan pentadbiran kontrak** yang menjejaskan kepentingan Kerajaan;
- Kerja/bekalan/perkhidmatan **tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti**; dan
- **Pembaziran** serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan.

Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh:

- ❑ Kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- ❑ Kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender;
- ❑ Tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding;
- ❑ Kurang kemahiran dalam pengurusan projek; dan
- ❑ Kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek

CARTA ALIR PROSES LKAN

1. Auditan oleh JAN

Auditan dilaksanakan oleh JAN dalam tempoh **4 – 12 bulan**

2. Menerima Laporan Awal penemuan Audit daripada JAN

- Mesyuarat Penyelarasan Maklumbalas **bersama BaI**
- Maklumbalas ke JAN dalam **tempoh 30 hari**

3. Exit Conference bersama JAN

Exit Conference diadakan untuk membincangkan penemuan Audit berserta dengan maklum balas yang dikemukakan oleh KKR/JKR sebelum Laporan dimuktamadkan.

4. Confirmatory Letter (CL)

Confirmatory Letter dialamatkan kepada KSU KKR untuk mendapat penjelasan/ ulasan Auditi, tindakan penambahbaikan dan tarikh/ tempoh selesai tindakan sebelum LKAN dimuktamadkan.

8. AG Dashboard

- Paparan pada laman web JAN bagi memantau isu yang dibangkit telah **selesai** atau **dalam tindakan**.
- KPI TKSU(P) : Isu perlu diselesaikan dalam masa **1 tahun selepas dibentang di Parlimen**

7. Jawatankuasa Siasatan bagi isu-isu LKAN yang tidak selesai

1. Isu **Punitif** – Ahli JKS dilantik oleh JPA
2. Isu **Corrective** – Ahli JKS dilantik oleh KSU KKR

6. Sesi Town Hall KSN bersama Media


- Sesi Pre-Council bersama KSU diadakan sebelum Sesi Town Hall

5. Pembentangan LKAN di Parlimen

LKAN di bentangkan di Parlimen sebanyak **2 kali setahun** (Julai & Disember).

CARTA ALIR PROSES LKAN

Penyelarasan maklumbalas oleh **Bahagian Integriti (BaI) CDPK** bersama **semua auditee terlibat** untuk menyediakan **Maklumbalas Audit** dan dihantar kepada **JAN** melalui **Unit Integriti (UI) KKR**. **Maklumbalas perlu dibentangkan kepada KSU** sebelum dihantar ke JAN



ISU-ISU DALAM LKAN

1. ISU KOREKTIF

Melibatkan kelemahan sistem prosedur, amalan, tafsiran dan pemahaman.

2. ISU PUNITIF

Melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuiaan pelaksanaan tugas

- Kecuaian Pegawai (JPA)
- Jenayah Komersial (PDRM)
- Rasuah dan penyalahgunaan kuasa (SPRM)

3. ISU YANG TIDAK MEMERLUKAN SUSULAN LANJUT

KATEGORI PROJEK YANG DIAUDIT

- ☐ **Projek Baru / Projek Di Dalam Pelaksanaan**

Projek yang telah dimulakan dan sedang dalam peringkat pembinaan


- ☐ **Projek Yang Telah Disiapkan**

Projek yang telah disiapkan tetapi masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan yang telah tamat tempoh tanggungan kecacatan.

- ☐ **Projek Bermasalah**

- Projek yang berada dalam kategori projek sakit
- Projek yang telah dimansuhkan

- ☐ **Projek Penyenggaraan**



Contoh Kajian Kes LKAN 2016 Siri 1 (Isu Punitif) :

PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL BERA, PAHANG

BUTIRAN KONTRAK

Perlaksanaan: Konvensional Perunding
Perolehan: Rundingan Terus
Kontraktor: Maju Jaya Pasarana S/B
Harga Kontrak: RM88 juta
Harga Kontrak Semasa: RM86.48 juta
Bayaran Dijelaskan: RM45.95 juta
Tarikh SST: 20.06.2012
Tarikh Milik Tapak: 10.07.12
Tarikh Siap Asal: 09.01.15 (2 Tahun 6 Bulan)
Tarikh Siap Semasa: 29.11.16
EOT: Bil. 4 (690 Hari)
Notis Penamatan: 08.12.16
% Kerja Fizikal: 57%
Pegawai Penguasa: Pengarah JKR Negeri Pahang

SKOP KERJA

- Pembinaan 4 blok hospital dan
- Bangunan sokongan iaitu 6 unit kuarters kelas D,
- 16 unit kuarters kelas F,
- 16 unit kuarters kelas G dan
- Asrama jururawat

Penemuan Audit :

Kelulusan EOT 1,3 Dan 4 Selama 496 Hari
Kerana Kelemahan Pengurusan Projek Oleh
Pihak JKR Dan Perunding

PUNITIF

Cadangan Pertukaran Reka Bentuk Struktur
Sistem IBS Oleh Kontraktor Dan Pembekal IBS
Yang Baru Telah Diluluskan Oleh Pihak JKR

Kontraktor Gagal Melantik Penyelaras
Mekanikal & Elektrik (M&E) *Industrialized
Building System* (IBS) Berkelayakan Dan Pihak
*Independent Inspection Authority/Inspector
Welder*

Pemilihan Kontraktor Yang Tidak Layak Secara
Rundingan Terus Oleh MoF

Kerja Pembinaan Tidak Dibuat Mengikut
Lukisan Dan Spesifikasi Serta Tidak Sempurna

Isu Punitif 1: Kelulusan EOT 1,3 Dan 4 Selama 496 Hari Kerana Kelemahan Pengurusan Projek Oleh Pihak JKR Dan Perunding

Isu:

Tarikh milik tapak bagi projek pakej 2 ialah pada 10 Julai 2012 dan projek dijadualkan siap pada 9 Januari 2015 iaitu dalam tempoh 30 bulan. Bagaimanapun, setelah mengambil kira kelulusan 4 EOT selama 690 hari (23 bulan), tarikh siap semasa projek ialah pada 29 November 2016. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akhirnya telah dikeluarkan pada 8 Disember 2016 dengan peratus pencapaian fizikal projek kekal pada 57%.

Punca:

Kelemahan perunding untuk menyelaraskan dan memuktamadkan lukisan pembinaan di antara semua disiplin menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan. JKR gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk meverifikasi dan mengesah lengkap

Maklum Balas/ Tindakan Penambahbaikan:

Jawatankuasa Tindakan Tatatertib CIDB Bil. 3/2017 telah memutuskan Sykt. Maju Jaya Pasarana S/B digantung pendaftaran dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) mulai 09.03.2017 sehingga 08.03.2019 bagi tempoh 2 tahun.

Hasil Siasatan JKS Khas

Bilangan hari yang diperakukan bagi EOT No. 1 adalah tidak wajar. Perakuan dibuat tanpa merujuk kepada jadual kerja sebenar menyebabkan bilangan hari yang diperakukan lebih lama daripada yang dimohon Kontraktor dan dibandingkan jumlah hari yang sebenar terjejas. (152/283 Bil. Hari Tidak Layak)


EOT No. 3 (123 Hari) tidak sepatutnya diperakukan kepada kontraktor kerana tiada hari kerja sebenar yang terjejas disebabkan kerja bagi sistem air panas belum bermula. Manakala bagi EOT No.4 (215 Hari) tidak wajar diluluskan kerana perubahan reka bentuk sesalur udara adalah menjadi tanggungjawab penuh kontraktor disebabkan telah menukar kepada sistem IBS yang baru.

Implikasi Kos

Berdasarkan perkiraan JKS, jumlah hari yang tidak layak diberikan EOT No. 1 adalah selama 152 hari (283 Hari) dan kerugian kepada Kerajaan kerana tidak dapat mengenakan LAD adalah sebanyak RM2.42 juta (152 hari x RM15,912.30 sehari = RM2,418,669.60).

Jumlah hari yang tidak layak diberikan EOT No. 3 adalah selama 123 hari dan kerugian kepada Kerajaan kerana tidak dapat mengenakan LAD adalah sebanyak RM1.96 juta (123 hari x RM15,912.30 sehari = RM1,957,212.90).

Kerugian kepada Kerajaan berjumlah RM4,375,882.50.



PROSES SUSULAN AUDIT ISU PUNITIF/KOREKTIF



INISIATIF KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU AUDIT

1



Akses Pantas
Kepada Laporan
Ketua Audit
Negara

Pengasingan LKAN
Mengenai Aktiviti
dan Kewangan

2



AG's
Dashboard

Pemantauan
Tindakan Yang Telah
Diambil Terhadap
Isu Yang
Dibangkitkan
Dalam LKAN

3



Jawatankuasa
Tindakan LKAN
(JTLKAN)

Kerjasama Dengan
Agensi Lain Untuk
Mengambil Tindakan
Terhadap Isu Punitif
Serta
Membincangkan
Penyelesaian Isu

4



*Putrajaya
Inquisition*

Mesyuarat Bagi
Menyelesaikan Isu
LKAN Yang Masih
Tertunggak

JABATAN AUDIT NEGARA : LAMAMAN 'AG DASHBOARD'



AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD v2
AKSES PANTAS TELUS BERINTEGRITI
JABATAN AUDIT NEGARA

Utama

Laporan

Liputan Akhbar

Alamat Kami

Bahagian Susulan Audit,
Jabatan Audit Negara,
Unit 5, 6, 7 & 8,
Aras 1, Menara Prisma,
No. 26, Persiaran Perdana,
Presint 3,
62675, Putrajaya.

Hubungi Kami

Tel : +603 8892 1800
Fax : +603 8892 1830
Emel : bsa@audit.gov.my



Muat Turun Borang
Pendaftaran Pengguna
Sistem AG's Dashboard



Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun : 2019 ▼

STATUS		BILANGAN PENEMUAN		
		SIRI 1	SIRI 2	JUMLAH
	TIADA TINDAKAN	0	0	0
	DALAM TINDAKAN	0	0	0
	SELESAI	0	0	0
Jumlah		0	0	0

STATUS	PENJELASAN
 Tiada Tindakan	• Tiada tindakan diambil oleh auditi terhadap penemuan yang dibangkitkan. • Maklum balas yang diberikan tidak menjawab penemuan yang dibangkitkan. • Kegagalan auditi mengemaskinikan status terkini penemuan yang berstatus kuning selepas tempoh melebihi setahun.
 Dalam Tindakan	• Tindakan secara berperingkat (contoh: bayaran ansuran/pewartaan/pemberian hak milik/penyediaan Standard Operating Procedures, Garis Panduan dan Manual) atau tempoh yang panjang diperlukan untuk menyelesaikan penemuan. • Maklum balas tidak lengkap (sebahagian penemuan tidak dijawab/tiada dokumen sokongan). • Maklum balas tertunda (contoh: menunggu kelulusan peruntukan).
 Selesai	• Tindakan pembetulan dan pencegahan terhadap penemuan telah diambil sepenuhnya. • 85% daripada jumlah tunggakan yang dilaporkan telah diselesaikan. • Penemuan telah disiasat oleh JPA, SPRM, PDRM atau dalam tindakan mahkamah atau timbang tara.

**PENGAUDITAN PRESTASI PROJEK JKR
OLEH
UNIT AUDIT DALAM, KKR**

TANGGUNGJAWAB UNIT AUDIT DALAM

Merujuk kepada 1PP PS 3.1 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri, tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah;

i) Menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap

a) sistem kewangan

b) kawalan dalaman

c) rekod kewangan

untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

ii) Menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

CARTA ALIR LAPORAN AUDIT, UNIT AUDIT DALAM (UAD) KKR

Pre-exit Conference

Pre-exit diadakan selepas pengauditan selesai untuk membincangkan penemuan awal dengan pihak Auditi sebelum Laporan Pemerhatian dikeluarkan

Laporan Pemerhatian

KKR/JKR hendaklah mengemukakan **maklum balas dalam tempoh 30 hari** dari tarikh surat Laporan Pemerhatian

Exit Conference

Exit Conference diadakan untuk membincangkan penemuan audit beserta dengan maklumbalas awal yang dikemukakan oleh KKR/JKR sebelum Laporan dimuktamadkan

Laporan Muktamad

Laporan Muktamad disediakan bersama maklum balas dari semua Auditi terlibat untuk perhatian KSU/KPKR/ Ketua Audit Negara

MyPrestasi PSO KKR

Pelaporan UAD dan Pengurusan KKR/JKR bagi memantau isu yang dibangkitkan telah diselesaikan (95%) dalam **tempoh 6 bulan** dari **pembentangan di JKA**

Susulan Penemuan Audit

Urusetia JKA KKR membuat susulan terhadap penemuan audit yang belum selesai

Pembentangan di JKA KKR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit akan menentukan **correction action dan preventive action** yang akan diambil

Jawatankuasa Audit (JKA) KKR

Ringkasan penemuan audit bersama maklum balas untuk perhatian Ahli JKA

PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

Merujuk kepada 1PP PS 3.2 - Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Objektif Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah :

- 1) Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara.
- 2) Memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

Mesyuarat Dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit:

- 1) Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya **empat (4) kali dalam setahun.**
- 2) Salinan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya.



KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi

- Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ahli Tetap

- Timbalan Setiausaha (Pengurusan) – Pengerusi Ganti
- Timbalan Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
- Ketua Pengarah Kerja Raya
- Setiausaha Bahagian Pembangunan & Penswastaan
- Setiausaha Bahagian Kewangan
- Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Pengarah Unit Integriti, KKR
- Penasihat Undang-undang, KKR
- Pengarah Cawangan Kontrak & Ukur Bahan, JKR

Setiausaha

- Ketua Audit Dalam Kementerian Kerja Raya



AUDIT JAN **vs** AUDIT UAD KKR

**PUNCA
KUASA**

**JABATAN AUDIT
NEGARA
(AUDIT LUAR)**

- ☐ PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN
- ☐ AKTA AUDIT 1957
- ☐ AP 305 - 307



**UNIT AUDIT DALAM,
KKR**

- ☐ 1PP PS 3.1
- ☐ 1PP PS 3.2

AUDIT JAN **vs** AUDIT UAD KKR

PELAPORAN



JABATAN AUDIT NEGARA (AUDIT LUAR)

- ☐ YDP AGONG
- ☐ PARLIMEN/DUN
- ☐ J/K KIRA-KIRA
WANG NEGARA
(PAC)



UNIT AUDIT DALAM, KKR

- ☐ KSU KKR
- ☐ J/K AUDIT KKR
 - ☐ MOF
- ☐ KETUA AUDIT
NEGARA

HUBUNGKAIT ANTARA AUDIT DALAM DENGAN AUDIT LUAR.

- Pada asasnya, peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah **berbeza** daripada Jabatan Audit Negara yang berfungsi selaku pihak audit luar.
- Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan dalam **undang-undang** manakala kuasa dan tanggungjawab Unit Audit Dalam dinyatakan **secara pentadbiran**.
- Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam mempunyai matlamat yang **sama** iaitu **bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam**.

HUBUNGKAIT ANTARA AUDIT DALAM DENGAN AUDIT LUAR.

- **Kerjasama dan hubungan yang baik** di antara Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam adalah **penting** demi pencapaian matlamat tersebut.
- Oleh itu, semasa proses penyediaan Rancangan Tahunan Audit Dalam, Unit Audit Dalam hendaklah berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara dari segi pengauditan yang telah, sedang dan akan dijalankan bagi **mengelakkan pertindihan tugas** di samping dapat saling membantu dalam mengenal pasti bidang atau perkara yang perlu diaudit.





KAJIAN PENEMUAN ISU PENGAUDITAN PROJEK JKR

KAJIAN PENEMUAN ISU PENGAUDITAN PROJEK JKR

Antara **kelemahan-kelemahan berulang** yang ditemui di dalam LKAN bagi pelaksanaan/pentadbiran projek oleh JKR adalah:

1. Dokumen Kontrak
2. Bon Pelaksanaan
3. Polisi Insuran
4. Wang Pendahuluan
5. Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan
6. Arahan Perubahan Kerja (APK)
7. Lanjutan Masa (EOT)
8. Lukisan Siap Bina
9. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
10. Bon Jaminan Rekabentuk
11. Tempoh Tanggungan Kecacatan
12. Penamatan Kontraktor

1. DOKUMEN KONTRAK

ISU

- Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani (melebihi 4 bulan) Dari Tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan

2. BON PELAKSANAAN

ISU

- Tempoh Liputan Bon Pelaksanaan Tidak Cukup
- Bon Pelaksanaan Tidak Dilanjutkan Selepas Lanjutan Masa (EOT) Diluluskan
- Tempoh Liputan Lanjutan Silap Selepas EOT Diluluskan
- Bon Pelaksanaan Luput Sebelum Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) Dikeluarkan
- Perbezaan Bayaran Kos Premium Bon Pelaksanaan Yang Sebenar Oleh Kontraktor Dengan Amaun Yang Diperuntukkan Dalam Kontrak Tinggi

3. POLISI INSURANS

ISU

- ❑ Kesilapan Tempoh Liputan Insurans Tanggungan Awam
- ❑ Polisi Insurans Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan
- ❑ Tempoh Lanjutan Polisi Insurans Silap Selepas EOT Diluluskan

4. WANG PENDAHULUAN

ISU

- ❑ Baki Bayaran Balik Wang Pendahuluan Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor
- ❑ Dokumen Jaminan Insurans Wang Pendahuluan Tidak Sah / Palsu
- ❑ Jaminan Wang Pendahuluan Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan / Tempoh Lanjutan Silap

5. PEROLEHAN KEMUDAHAN KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN PERALATAN

ISU

- Dibayar / Dibekal Walaupun Tiada Kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)
- Dibayar Tetapi Tidak Disediakan
- Kuantiti Kenderaan Dan Peralatan Dalam Dokumen Kontrak Berbeza Dengan Kuantiti Yang Diluluskan Oleh JKMPK
- Penyerahan Semula Kenderaan dan Peralatan
- Pembayaran Interim Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan

6. ARAHAN PERUBAHAN KERJA

ISU

- Dokumen Ditandatangani Oleh Bukan Pegawai Diberi Kuasa
- Kerja Dilaksanakan Sebelum APK Diluluskan
- APK Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan

7. LANJUTAN MASA (EOT)

ISU

- ❑ EOT Diluluskan Selepas Tarikh Siap Asal / Semasa
- ❑ EOT Diluluskan Selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) Dikeluarkan
- ❑ *Time At Large*
- ❑ EOT terlalu lama menyebabkan Kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan *yang tinggi*
- ❑ *Pengenaan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) tidak teratur*

8. LUKISAN SIAP BINA

ISU

- ❑ Lukisan Siap Bina Lewat Dikemukakan : Lukisan siap bina masih belum dikemukakan kepada pelanggan walau pun CPC telah dikeluarkan
- ❑ Lukisan Siap Bina Berbeza Dengan Fizikal : Fizikal kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berbeza dengan lukisan siap bina

9. SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA (CPC)

ISU

- ☐ Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan sebelum kerja siap sepenuhnya
- ☐ CCC dikeluarkan sebelum mendapat kelulusan Pihak Bomba

10. BON JAMINAN REKABENTUK

ISU

- ☐ Bon Jaminan Rekabentuk Untuk Projek Reka Dan Bina Tidak Dikemukakan Oleh Kontraktor

11. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

ISU

- **Melanjutkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) - COC for D&B Rev1/2010 Klausa 47 menetapkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah selama 24 bulan bermula dari tarikh perakuan siap kerja (CPC). Didapati tempoh pelanjutan DLP telah dilanjutkan di atas persetujuan pelanggan dengan JKR walaupun ianya bertentangan dengan Klausa kontrak;**
- **Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) tidak dapat dikeluarkan berikutan terdapat kerja pembaikan kecacatan yang belum selesai**
- **Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad masih tidak disediakan walau pun projek telah diserahkan**

12. PENAMATAN KONTRAKTOR

ISU

- ❑ **Prosedur Penamatan Kontraktor Yang Tidak Teratur**
- ❑ **Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor(NPPKK) Dikeluarkan Lewat 14 hari Dari Tarikh Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kontraktor(NUTPPKK)**



JAWATANKUASA SIASATAN (JKS) /JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)

Jawatankuasa Siasatan (JKS)/ Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD)

Pengenalan

JKS/JKSD ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas mana-mana projek yang di arahkan oleh Pengurusan Tertinggi (JPA/JPM/dll), siasatan ke atas teguran punitif daripada Laporan Audit atau siasatan ke atas aduan terhadap projek JKR.

Perlantikan **ahli JKS adalah oleh JPA** manakala **ahli JKSD adalah oleh KSU**.

Punca siasatan:

- ☐ Kekalahan Kes mahkamah/CIPAA 2012 seperti yang diarahkan oleh JPA
- ☐ Isu Punitif dari Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)
- ☐ Isu Punitif dari Laporan Unit Audit Dalam (UAD) KKR
- ☐ Aduan Kontraktor
- ☐ Aduan Pelanggan



1. BAYARAN INTERIM

- a) **Pertindihan bayaran bagi skop kerja – kerja penyenggaraan kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin**

PENEMUAN JKS:

Jajaran bagi Projek Menaiktaraf Jalan sepanjang 5 km iaitu Seksyen 543 hingga 548 termasuk jalan yang perlu disenggara oleh Syarikat Konsesi. Jajaran ini merupakan lokasi projek kerja menaiktaraf yang dilaksanakan oleh Kontraktor. Walau bagaimapun, **arahan pengecualian** kerja penyenggaraan rutin jalan hanya dikeluarkan pada **Januari 2016** kepada Syarikat Konsesi.

Berdasarkan bayaran interim no. 2, Kontraktor telah memulakan kerja penyenggaraan di tapak pada bulan **September 2015** dan menjalankan skop rutin penyenggaraan sehingga projek siap. **Kontraktor telah menerima bayaran rutin penyenggaraan bermula bulan Oktober 2015 berjumlah RM32,000. Bagaimanapun, penyenggaraan rutin jalan juga telah dibayar kepada Konsesi dari bulan September 2015 hingga Mac 2016 untuk lokasi projek berjumlah RM45,196.** Kadar bayaran setiap km per bulan berjumlah RM1,712 mengikut kontrak.

Isu – Isu Siasatan

LKAN

1. BAYARAN INTERIM

- a) **Pertindihan bayaran bagi skop kerja – kerja penyenggaraan kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin**

PENEMUAN JKS :

JKS berpendapat **berlakunya pertindihan bayaran bagi skop kerja-kerja penyenggaraan di Jajaran Menaiktaraf Jalan**. Punca utama pertindihan bayaran ini adalah masalah komunikasi dalaman JKR.

Walau bagaimanapun, pertindihan bayaran yang berlaku telah dibuat pelarasan dan pemotongan telah dibuat daripada tuntutan bulanan pihak Konsesi.

Syor JKS:TATATERTIB

1. BAYARAN INTERIM

b) Kegagalan Kontraktor Menempatkan Pembantu Juruukur Bahan di Pejabat Pegawai Penguasa Walaupun Bayaran Telah dibuat

PENEMUAN JKS:

- ☐ Bayaran berkala bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 14 Mei 2017 dibayar walaupun penempatan Kerani/ Pembantu Juruukur Bahan tidak disediakan oleh Kontraktor.
- ☐ Bayaran dilaksanakan oleh Jurutera Daerah yang berkaitan manakala penempatan kerani di Ibu Pejabat JKR.
- ☐ JKR telah membuat semakan dan tindakan memotong tuntutan bayaran Kontraktor sebanyak RM81,375 disebabkan kegagalan Kontraktor menyediakan Kerani/Pembantu Juruukur Bahan

1. BAYARAN INTERIM

c) Bayaran interim kenderaan tidak mengikut kadar yang ditetapkan

PENEMUAN JKSD;

Bayaran bagi interim perkhidmatan kenderaan bagi empat (4) projek telah **terlebih bayar berbanding jumlah yang sepatutnya**. Lebihan bayaran antara RM422 – RM 331,472.

Rujukan Peraturan;

1. Surat Arahan JKR Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, rujukan 923)JKR;UB (BPDI)061.110/15 bertarikh 10 April 2017 – Kaedah pembayaran interim bagi perkhidmatan kenderaan adalah berdasarkan **kos keseluruhan kenderaan dibahagikan mengikut tempoh asal kontrak. Amaun bulanan yang diperolehi daripada pembahagian ini sepatutnya dibayar mengikut bilangan interim.**
2. Syarat kontrak bagi projek jalan : Method of Measurement and Pricing Factors (MOMPF) di dalam syarat kontrak menetapkan pembayaran perkhidmatan kenderaan yang dibuat pada setiap interim perlu berdasarkan **kos kenderaan yang ditetapkan kontrak dibahagikan dengan jumlah tempoh kontrak.**

Isu – Isu Siasatan

LKAN

1. BAYARAN INTERIM

- c) Bayaran interim kenderaan tidak mengikut kadar yang ditetapkan

PENEMUAN JKSD;

Pembayaran interim perkhidmatan kenderaan terlebih bayar merupakan kesalahan nyata yang tidak sepatutnya berlaku.

Walau bagaimanapun, pelarasan semula perkhidmatan kenderaan bagi semua projek telah dibuat.

Syor JKSD :TATATERTIB

2. TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN AKIBAT EOT & TARIKH CPC DIKEBELAKANGKAN (*BACKDATED*)

- a) Rayuan kontraktor terhadap permohonan tuntutan kerugian dan perbelanjaan akibat EOT yang telah ditolak tidak diberikan maklumbalas.

PENEMUAN JKSD;

Permohonan tuntutan telah dikemukakan oleh kontraktor dan telah ditolak Rayuan telah dikemukakan kepada P.P. namun tiada maklumbalas. Oleh itu, kontraktor telah mengemukakan aduan kepada KSN.

Permohonan tuntutan kerugian dan perbelanjaan oleh pihak kontraktor adalah dibenarkan sepertimana yang ditetapkan dalam Klausa 44.0 Claims For Loss And Expense, Syarat – syarat Kontrak PWD203A (Rev. 1/2010).

Walau bagaimanapun, tuntutan ditolak kerana tidak mematuhi Klausa 44.1, 44.2 dan 44.3, Syarat – syarat Kontrak PWD203A (Rev. 1/2010).

2. TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN AKIBAT EOT & TARIKH CPC DIKEBELAKANGKAN (*BACKDATED*)

- b) Tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC) dikebelakangkan kepada 30 Julai 2015; bukan pada 27 November 2015 iaitu tarikh siap yang didakwa oleh Kontraktor.

PENEMUAN JKSD;

Tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC) dikebelakangkan kepada 30 Julai 2015; bukan pada 27 November 2015 iaitu tarikh siap yang didakwa oleh Kontraktor yang mana secara retrospektif menjadikan tuntutan kontraktor tidak memenuhi keperluan syarat-syarat kontrak.

JKSD mendapati bahawa tarikh CPC telah dikebelakangkan kepada 30 Julai 2015 (tarikh tamat EOT No.3). Walau bagaimanapun, tiada sebarang rekod bertulis yang membuktikan keputusan JKLM mengenai tarikh CPC yang dikebelakangkan tersebut. **Tarikh siap sebenar projek ini bukan pada 30 Julai 2015.**

Isu – Isu Siasatan

ADUAN
KE KSN

2. TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN AKIBAT EOT & TARIKH CPC DIKEBELAKANGKAN (*BACKDATED*)

c) Terdapat kelemahan dalam pentadbiran kontrak projek

PENEMUAN JKSD;

Klausa 40 (Kerja tidak Siap) tidak dipatuhi dimana P.P. tidak mengeluarkan PKTS pada tarikh tamat EOT No.3. Oleh itu, LAD ke atas kerja yang tidak siap tidak dapat dikenakan sepanjang tempoh menunggu keputusan JKLM EOT No.4.

Klausa 39 (Penyiapan Kerja) tidak dipatuhi di mana Pemeriksaan Bersama selepas Notis Akuan Siap Kerja oleh Kontraktor tidak dibuat.

Mesyuarat Tapak dan Buku Harian Tapak tidak dilaksanakan mengikut SAKPKR.

Laporan Kemajuan Kerja Bulanan tidak disediakan setiap bulan seperti dalam perjanjian perunding.

Isu – Isu Siasatan

**ADUAN
KE KSN**

2. TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN AKIBAT EOT & TARIKH CPC DIKEBELAKANGKAN (*BACKDATED*)

SYOR JKSD;

Tiada pengesyoran tindakan tatatertib. Walau bagaimanapun, disyorkan:

1. Surat Teguran kepada WPP Utama
2. Surat Nasihat kepada Juruukur Bahan
3. P.P. / HODT memperakukan laporan prestasi perunding lemah supaya tidak layak dipertimbangkan projek baru

3. PENAMATAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR

- Perakuan kos penamatan lewat disediakan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana tidak dapat menuntut daripada kontraktor yang telah muflis.

PENEMUAN JKSD;

Kontraktor asal telah ditamatkan pada tahun 2013. Kontraktor penyiap telah dilantik pada tahun 2014. **Perakuan Kos Penamatan Kontraktor dibuat pada tahun 2017.**

Perakuan Kos Penamatan yang lewat disediakan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM1,120,565.96 kerana tidak dapat dituntut daripada kontraktor tersebut yang telah digulungkan (muflis) pada tahun 2016.

3. PENAMATAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR

- Perakuan kos penamatan lewat disediakan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana tidak dapat menuntut daripada kontraktor yang telah mufliis.

PENEMUAN JKSD;

- Terdapat perbezaan tafsiran oleh JKR terhadap Syarat-Syarat Kontrak dalam proses penyediaan Perakuan Kos Penamatan yang sepatutnya perlu disediakan dalam masa **(9) bulan** selepas kontrak ditamatkan pengambilan kerja kontraktor berdasarkan **SAKPKR Bil.8/2013 (SAKPKR ini telah dimansuhkan dan dipinda kepada SAKPKR Bil.4/2017 bertarikh 20 Mac 2017)**. Perkara ini berlaku disebabkan **JKR hanya merujuk kepada syarat-syarat kontrak JKR 203 (1983) sahaja** yang mana tidak menyatakan mengenai tempoh masa penyediaannya.
- Bagi tuntutan Kos Penamatan, Kerajaan dalam proses menuntut kepada pihak Kontraktor melalui **Jabatan Insolvensi Negara. Tiada unsur kerugian** di pihak Kerajaan memandangkan tuntutan didalam proses dan proses tuntutan tersebut adalah melalui Penasihat Undang-Undang, KKR atau Jabatan Peguam Negara yang mana berkaitan.

3. PENAMATAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR

- Perakuan kos penamatan lewat disediakan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana tidak dapat menuntut daripada kontraktor yang telah mufliis.

SYOR JKSD;

Tiada pengesyoran tindakan tatatertib. Walau bagaimanapun, disyorkan:

Surat teguran/peringatan serius kepada JKR seluruh Malaysia

4. PERAKUAN AKAUN MUKTAMAD / BAYARAN MUKTAMAD

a) Perakuan akaun muktamad lewat disediakan.

PENEMUAN JKSD;

Tarikh CMGD : 22.07.2013
Perakuan Akaun Muktamad : 16.11.2015
Bayaran Muktamad : 25.06.2019

Kelewatan 24 bulan 15 hari Penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

Merujuk kepada Klausula 48 Syarat-Syarat Kontrak JKR 203A (10/83) yang menyatakan **Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad perlu disediakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh Perakuan Pembaikan Kecacatan (CMGD).**

Kelewatan Pegawai Penguasa memproses tuntutan kontraktor disebabkan:

- Notis Tuntutan kontraktor mematuhi syarat;
- Proses semakan berlaku berulang kali kerana dokumentasi yang tidak lengkap;
- **Dokumen hanya diproses oleh pihak JKR dalam tempoh 1 tahun 8 bulan** (dari 13 Jun 2011 hingga 5 Februari 2013) selepas dikemukakan oleh pihak kontraktor; dan
- Kekurangan kompetensi pegawai;

4. PERAKUAN AKAUN MUKTAMAD / BAYARAN MUKTAMAD

- b) **Berlaku kelewatan bayaran muktamad kepada kontraktor akibat tiada butiran / butiran tercicir.**

PENEMUAN JKSD;

Kelewatan 53 bulan (4 tahun 5 bulan) Bayaran Muktamad Kepada Kontraktor.

Merujuk Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak JKR 203A (10/83) bayaran muktamad perlu dibayar kepada kontraktor dalam **tempoh 30 hari selepas Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad dikeluarkan.**

Kelewatan Pegawai Penguasa memproses tuntutan kontraktor disebabkan;

- **Tempoh panjang untuk mewujudkan semula butiran projek tercicir;**
- Ketidacukupan peruntukan pada Disember 2014 disebabkan pengurangan siling projek dalam SPP II;
- **Kelemahan dalam memantau projek yang belum tutup akaun oleh JKR dan KKR;**
- Kaedah komunikasi yang kurang cekap dan berkesan;
- Kekerapan berlakunya pertukaran pegawai bertanggungjawab

4. PERAKUAN AKAUN MUKTAMAD / BAYARAN MUKTAMAD

- b) Berlaku kelewatan bayaran muktamad kepada konraktor akibat tiada butiran / butiran tercicir.**

SYOR JKSD;

Tiada pengesyoran tindakan tatatertib kerana:

- ☐ Tiada kerugian di pihak Kerajaan;
- ☐ Tiada perkara yang dilakukan diluar peraturan;
- ☐ Tiada berlaku kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa serta pelanggaran prosedur atau tatakelakuan




TINDAKAN TATATERTIB PEGAWAI JKR TERHADAP LKAN DAN LAPORAN AUDIT DALAM KKR

STATUS TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SEHINGGA 2018 SIRI 1

(Dikemaskini Sehingga 6 Disember 2019)

BIL.	HUKUMAN	BIL. PEGAWAI	% PEGAWAI
1.	Amaran	138	56.79
2.	Denda	9	3.70
3.	Tangguh Pergerakan Gaji	24	9.88
4.	Turun Gaji	10	4.12
5.	Turun Pangkat	1	0.41
6.	Denda dan Amaran	5	2.06
7.	Denda dan Surcaj	2	0.82
8.	Surcaj dan Amaran	9	3.70
9.	Tangguh Pergerakan Gaji dan Amaran	2	0.82
10.	Turun Gaji dan Amaran	7	2.88
11.	Turun Gaji dan Denda	1	0.41
12.	Turun Pangkat dan Amaran	1	0.41
13.	Buang Kerja	3	1.23
14.	Surcaj	29	11.93
15.	Dijatuhkan hukuman oleh mahkamah (SPRM)	2	0.82
JUMLAH HUKUMAN		243	24.9
BEBAS		581	59.4
DALAM PROSIDING		154	15.7
JUMLAH KESELURUHAN		978	100



HUKUMAN MENGIKUT ENTITI			
BIL.	ENTITI	BIL. PEGAWAI	CATATAN
1.	Persekutuan	176	
2.	Badan Berkanun	14	- FELDA - UITM - UTEM - NIOSH
3.	Negeri	53	- SUK Perak - SUK NS, - SUK Selangor - SUK Pahang - SUK Kedah - SUK Terengganu - SUK Johor
JUMLAH HUKUMAN		243	

Rekod Urusan Tindakan Tatatertib Pegawai JKR (2011-2019)

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Salahlaku Projek	Bilangan	Jumlah
1	Kumpulan Pelaksana	Audit Dalam JKR/KKR	10	22
		Laporan Ketua Audit Negara	12	
2	Pegawai 41- 44	Audit Dalam JKR/KKR	11	31
		Laporan Ketua Audit Negara	20	
3	Pegawai 48 - 54	Audit Dalam JKR/KKR	35	121
		Laporan Ketua Audit Negara	86	
4	Pegawai JUSA	Audit Dalam JKR/KKR	6	16
		Laporan Ketua Audit Negara	10	

Rekod Urusan Tindakan Tatatertib Pegawai JKR (2011-2019)



DASAR KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI YANG TELAH DIKENAKAN HUKUMAN TATATERTIB

Jenis Hukuman	Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat
Amaran	12 Bulan
Denda	18 Bulan
Lucut Hak Emolumen	24 Bulan
Tangguh Pergerakan Gaji	30 Bulan
Turun Gaji	36 Bulan
Turun Pangkat	48 Bulan

Pelaksanaan Penamatan Pemangkuan Bagi Pegawai Yang Sedang Memangku Yang Dikenakan Hukuman Tatatertib

**Surat KPPA Bil. JPA.BK.(S)134/2/8 Jld.4(3)
3 September 2013**

*Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bil.5 Tahun 2013 pada 17
Julai 2013 memutuskan:*

“Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh pemangkuan hendaklah ditamatkan pemangkuan berkuat kuasa mulai Tarikh hukuman dikenakan”



SEKIAN, TERIMA KASIH

